

Jilid I
Bil. 71



Hari Isnin
8hb Oktober, 1979

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 7845]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 7846]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7847]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 7878]**

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KELIMA
Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO' HUSSEIN ONN**, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' LEE SAN CHOON**, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM**, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH**, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI**, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE**, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF**, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI**, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD**, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS**, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).

„ Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD**, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT**, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATO' RICHARD HO UNG HUN**, D.P.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubung).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).

Yang Berhormat TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).

- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Maŕntin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).

Yang Berhormat TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).

- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
 „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
 „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
 „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
 „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
 „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
 „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
 „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
 „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
 „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
 „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
 „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
 „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
 „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
 „ TUAN Oo GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
 „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
 „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
 „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
 „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
 „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
 „ TUAN SEOW HUM KHIM (Bukit Mertajam).
 „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
 „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
 „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
 „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
 „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
 „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
 „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
 „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
 „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
 „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
 „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
 „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
 „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
 „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
 „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).

- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S.,
B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 8hb Oktober, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

PENGUMUMAN YANG
DI-PERTUA

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memaklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujukan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara dalam mesyuarat yang lalu, seperti berikut:

- (1) Akta Acara Kewangan (Pindaan);
- (2) Akta Mahkamah Rendah (Pindaan);
- (3) Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia;
- (4) Akta Majlis Sukan Negara Malaysia (Pindaan);
- (5) Akta Saraan Hakim (Pindaan) (No. 2);
- (6) Akta Hakcipta (Pindaan);
- (7) Akta Insurans (Pindaan);
- (8) Akta Pejabat Pos (Pindaan);
- (9) Akta Penyelarasan Perindustrian (Pindaan);
- (10) Akta Peruntukan Diraja (Pindaan);
- (11) Akta Pencen Khas (Raja Permaisuri Agong);
- (12) Akta Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan);
- (13) Akta Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan); dan
- (14) Akta Akitek (Pindaan).

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN
NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka juga memaklumkan bahawa saya telah menerima Perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan Negara kepada Rang Undang-undang yang telah diserahkan oleh Dewan Rakyat kepadanya.

Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah mempersetujukan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

- (1) Rang Undang-undang Acara Kewangan (Pindaan);
- (2) Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan);
- (3) Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia;
- (4) Rang Undang-undang Majlis Sukan Negara Malaysia (Pindaan);
- (5) Rang Undang-undang saraan Hakim (Pindaan) (No. 2);
- (6) Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan);
- (7) Rang Undang-undang Insurans (Pindaan);
- (8) Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan);
- (9) Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian (Pindaan);
- (10) Rang Undang-undang Peruntukan Diraja (Pindaan);
- (11) Rang Undang-undang Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan);

- (12) Rang Undang-undang Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan);
- (13) Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan); dan
- (14) Rang Undang-undang Akitek (Pindaan).

Tandatangan:

“YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA.”

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PASPOT ANTARABANGSA MALAYSIA— PENGELUARAN

1. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan tegas yang diambil supaya pengeluaran Paspot Antarabangsa Malaysia dibuat hanya kepada mereka yang benar-benar layak dan setiap permohonan diteliti dengan rapi untuk menjamin imej serta keselamatan negara.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap permohonan untuk mendapatkan Paspot Antarabangsa adalah diteliti dengan rapi. Semua maklumat yang dikemukakan dalam borang berkenaan adalah disemak (verified) dengan surat dan dokumen asal seperti kad pengenalan, surat beranak atau sijil kerakyatan yang dipunyai oleh si pemohon. Maka ini adalah menjadi tanggungjawab si pemohon untuk membuktikan ketulinan surat-surat dan dokumen-dokumen yang dikemukakannya itu. Sekiranya terdapat ada di antara surat dan dokumen itu palsu atau kepunyaan orang lain dan sengaja dikemukakan untuk menipu, maka si pemohon boleh didakwa di mahkamah dan jika sabit kesalahannya boleh didenda sehingga \$10,000 atau dipenjarakan sehingga 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Jabatan Imigresen sentiasa berhati-hati sebelum satu-satu permohonan itu diluluskan agar paspot itu tidak terjatuh ke tangan orang-orang yang tidak berhak memilikinya atau tidak disalahgunakan. Cara seperti ini ialah untuk mengelak paspot antarabangsa kita digunakan oleh orang lain. Sebanyak 4 buah

darinya telah dikesan di luar negeri oleh sebuah negara sahabat kita yang telah menghubungi kita, manakala 4 lagi telah dikesan apabila mereka cuba hendak masuk ke dalam negara kita. Umpamanya, baru-baru ini seorang rakyat Thai yang ditangkap di sempadan kerana soal dadah, dia menggunakan paspot kita ini.

Kesemua pemalsuan paspot ini telah diperolehi dari paspot antarabangsa Malaysia yang dilaporkan tercicir atau dicuri atau hilang oleh tuan punya. Jadi kalau saya berikan angka dari tahun 1975 paspot yang telah dilaporkan hilang ialah sebanyak 5,605. Dari jumlah ini sebanyak 1,589 dilaporkan hilang di luar negeri daripada tahun 1975. Saya ingin menasihatkan orang ramai yang paspot telah dikeluarkan dan memegangnya supaya menjaga paspotnya dengan cermat. Kerajaan memang tidak menghalang rakyat melakukan perjalanan yang sah ke luar negeri, tetapi bukanlah menjadi dasar Kerajaan untuk mengeluarkan paspot kepada setiap warganegara apa lagi kepada mereka yang tidak langsung bertujuan hendak membuat perjalanan tetapi sekadar menyimpan paspot itu sahaja macam azimat.

Pengeluaran paspot bukanlah merupakan satu hak kepada warganegara tetapi ia adalah satu kemudahan, untuk memberi kemudahan dia berjalan ke luar. Oleh sebab penelitian yang rapi yang perlu dijalankan maka seolah-olah mendatangkan kesulitan kepada pemohon yang merungut masa yang diambil untuk mengeluarkan paspot katanya adalah sangat lama. Kerajaan tidak akan mengorbankan faktor keselamatan semata-mata untuk memberi khidmat yang pantas. Sebenarnya masa yang diambil adalah berpatutan.

Saya bimbang dengan jumlah hilang dan penyalahgunaan paspot yang telah terjadi ini boleh membawa kepada kecelakaan negara kita dan saya sudahpun mengarahkan Jabatan Imigresen dan Polis mengkaji dengan teliti berkenaan dengan hal ini. Pengeluaran paspot baharu atau gantinya yang telah hilang akan hanya dibuat setelah Kerajaan berpuas hati atas sebab-sebab paspot itu hilang. Tindakan-tindakan seperti yang diterangkan itu ialah untuk menjaga image dan keselamatan negara.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sungguhpun saya insaf dan sedar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri mengenai hal ehwal atau aspek keselamatan, tetapi saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa pada masa ini Pejabat Imigresen di Kuala Lumpur pun ada mengalami banyak kelemahan, misalnya, kurang kakitangan dan juga perkhidmatannya tidak begitu cekap dan semua ini telah mengakibatkan kelambatan untuk mengeluarkan paspot antarabangsa. Sekiranya Yang Berhormat Menteri sedar saya ingin mendapat tahu apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini?

Yang Kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa salah satu sebab ramai orang telah membuat permintaan untuk memohon paspot antarabangsa ialah kerana terdapat khabar angin bahawa mereka dikehendaki untuk mengambil satu ujian bahasa dan saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat memberi satu kenyataan di sini sama ada ini benar. Sekiranya tidak benar, saya harap Yang Berhormat Menteri akan mengatakan bahawa mereka tidak perlu untuk mengambil satu ujian bahasa bila hendak memohon paspot antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soal asalnya bukan tentang lambat. Soalan asal ialah pengeluaran paspot itu dibuat dengan berhati-hati supaya benar-benar layak bagi orang yang layak untuk memohon. Soal lambat tidak lambat tidak timbul, walaupun disentuh sedikit oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Bahagian kedua itu khabar angin, itu tidak boleh dijadikan satu soalan tambahan kepadanya, tetapi saya serahkan kepada Yang Berhormat Menteri bagaimana hendak menjawab.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan itu walaupun tidak tepat, baiklah saya mengambil kesempatan untuk menjawab soalan kedua dahulu sungguhpun tidak tepat, memang tidak ada dasar Kerajaan untuk mengatakan bahawa kita mesti mengadakan satu ujian bahasa, tidak ada—habis.

Soalan pertama tadi menyentuh soal kelemahan, kita memang sedar bukan baharu sedar bahkan lama dan beberapa langkah sedang dan akan diambil untuk membantu hal ini. Umpamanya, sangat sedar bahawa bangunan Jabatan Imigresen yang ada di Kuala Lumpur ini sangat tidak memuaskan, itu saya sedar dan tidak cukup ruangnya untuk menampung semua keperluan. Jadi langkah-langkah sedang diambil untuk memindahkan beberapa bahagian Jabatan itu ke tempat lain sehingga siap Ibu Pejabat baharu iaitu di Jalan Shaw dijangka yang saya diberi tahu akan siap pada tahun 1982. Jadi terpaksalah kita sabar. Pada akhir bulan ini satu bahagian pengeluaran paspot Malaysia terhad iaitu paspot hendak pergi ke Singapura akan pindah ke Wisma Pahlawan. Jadi legalah sedikit di tempat yang sekarang ini. Kepada mereka-mereka yang hendak mengambil paspot terhad iaitu paspot hendak pergi ke Singapura bolehlah pergi ke bahagian Wisma Pahlawan mulai daripada 1hb Disember tahun ini.

Yang sebenarnya tidak ada kelewatan atas memproses permohonan paspot antarabangsa. Saya perhatikan sendiri apabila permohonan serta surat dokumen diserahkan sendiri oleh si pemohon kepada Pegawai Imigresen di kawasan itu penyemakan dibuat dalam masa singkat lebih kurang 10-15 minit, sekiranya si pemohon dapat memberi kerjasama menjawab dengan terang kepada semua soalan. Soal bahasa itu selalu timbul kerana bila disoal dia tidak dapat menjawab dan dia sendiri tidak faham apa yang ditulis di situ. Sebab itulah keluar soal bahasa tadi.

Menunggu giliran atau beratur itu yang memakan masa panjang, bila sudah sampai situ tidak memakan masa panjang tetapi sebab ruang itu tidak begitu banyak dan orang begitu ramai jadi menunggu begitu lama itulah yang menjadi kegelisahan kepada rakyat dan ini saya sangat sedar. Oleh sebab itu, saya telah mengarahkan iaitu satu peraturan baharu kalau diizinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, menyatakan di sini bahawa kita mesti melaksanakan satu peraturan baharu untuk mengurangkan masa beratur (queueing-up time) malahan mereka tidak payah beratur lagi umpamanya. Orang ramai yang ingin mendapat paspot antarabangsa boleh menghantar borang permohonan yang

didapati dari Jabatan Imigeresen berserta dengan dua keping gambar dan salinan sah dokumen umpamanya salinan surat pengenalan atau sijil kerakyatan ini dihantar dengan cara pos. Jabatan Imigeresen akan memberi tahu pemohon tarikh dan waktu perjumpaan dengan Pegawai Imigeresen, ditetapkan pula hari interview. Di waktu perjumpaan ini pemohon hendaklah menjawab pertanyaan yang dikemukakan, macam biasa tidak payah queue up. Mereka hendaklah membawa surat dan dokumen asal untuk diserahkan bagi semakan Pegawai Imigeresen berkenaan.

Pembayaran akan hanya dibuat setelah Jabatan Imigeresen berpuas hati dengan permohonan itu dan paspot akan dikeluarkan lebih kurang satu minggu daripada tarikh perjumpaan itu. Itu yang saya harapkan dalam arahan yang saya buat. Saya harap akan dapat sampai pada peringkat itu. Mereka yang datang sendiri ke Jabatan Imigeresen untuk menyerahkan borang permohonan serta gambar dan salinan yang sah atau surat-surat yang lain akan diberi layanan yang serupa macam sekarang ini, mereka akan diberitahu tarikh dan waktu perjumpaan (interview). Jadi dia tinggalkan sahaja suratnya di situ. Itulah yang saya harap dapat menjawab soalan Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri mensifatkan bahawa kenyataan yang telah disiarkan di akhbar-akhbar tempatan ada hubungan dengan langkah-langkah tegas Jabatan Imigeresen, dan adakah Menteri telah puas hati dengan langkah-langkah tersebut?

Tuan Yang di-Pertua: Ini Yang Berhormat Menteri sendiri sudah jawab. Tetapi kalau apa yang keluar daripada akhbar, mengikut Peraturan Mesyuarat 23 (1) (i) itu tidak boleh dijadikan soalan. Tetapi terpulanglah kepada Yang Berhormat Menteri kalau sekira suka mengambil peluang untuk memberi penjelasan bagi faedah Ahli-ahli Yang Berhormat.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri boleh menyatakan di dalam 5,000 lebih paspot yang hilang golongan manakah yang rajin sangat menghilangkan paspot ini, golongan bumiputra ataupun bukan bumiputra?

Yang kedua, saya harap cerita yang bukan khabar angin akan diberitahu sebabnya yang sebulan ataupun dua yang lepas Jabatan Imigeresen telah dibanjiri macam air bah. Khabar yang bukan khabar angin, betul.

Tuan Yang di-Pertua: Dari punca yang dipercayailah.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Ya. (*Ketawa*).

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, golongan yang banyak hilang ialah golongan pelupa agaknya. (*Ketawa*). Dan saya tidak berhajat hendak mengeluarkan angka itu mengikut kaum dan bangsa. Jadi soal puncanya tidak dapat dikesan, tetapi memang nyata ada macam-macam khabar angini. Ada yang menyatakan bayaran paspot hendak naik lagi, ada yang menyatakan tidak hendak keluar langsung dan ada pula yang menyatakan ada ujian bahasa. Inilah yang membawa kepada satu keadaan seolah-olah macam satu benda yang sangat terpilih turun di Ipoh umpamanya, semua orang hendak pergi ke sana. Cubalah kita beli tiket di stesyen keretapi pada masa itu sudah tentu banyak orang beratur menunggu (queue), jadi inilah masalah yang dialami oleh Jabatan Imigeresen sesudah diketahui Jabatan itu pun memang sempit dan sukar.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi menyatakan ada didapati pemohon-pemohon paspot antarabangsa memohon bukan untuk keluar negeri tetapi hanya untuk menyimpannya sahaja. Jadi untuk mengelakkan penyalahgunaan paspot antarabangsa itu daripada perbuatan yang sia-sia dan membazir adakah Yang Berhormat Menteri bercadang hendak menghadkan masa, hendak mengadakan satu peraturan supaya dihadkan satu-satu masa, misalnya dalam masa dua bulan setelah paspot antarabangsa itu dikeluarkan kalau pemohon itu tidak keluar negeri maka paspotnya akan dibatalkan? Adakah Yang Berhormat Menteri akan bercadang begitu?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, dalam mengulang kaji soal paspot ini bukan sahaja soal itu dikaji tetapi banyak lagi. Tetapi

matlamatnya iaitu kita akan dapat memelihara paspot itu. Kalau dikehendaki di dalam kajian, kita membuat cara apa Yang Berhormat sebutkan itu, Insya Allah perkara itu juga akan kita beri pertimbangan.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Soalan tambahan. Tiap-tiap pemohon paspot untuk keluar negeri ini dengan bermacam-macam tujuan. Di antara tujuan setengah-setengah pihak ialah dengan tujuan hendak melakukan sesuatu perbuatan yang jahat iaitu misalnya untuk membawa dadah keluar negeri dan sebagainya. Adakah Kerajaan bercadang untuk menentukan suatu peraturan iaitu orang-orang yang keluar negeri kemudian melakukan perbuatan-perbuatan yang merbahaya ini akan ditarik balik paspotnya ataupun orang-orang ini tidak lagi akan dikeluarkan paspot untuk mereka jika sekiranya tempoh paspot itu sudah tamat?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Saya berterima kasih di atas soalan ini kerana memang ini sudah berjalan selama ini. Kalau sekiranya seorang itu dapat ditangkap membuat perkara jenayah di luar negeri, apabila dia balik, paspotnya ditarik ataupun mereka itu kalau sekiranya membuat perkara jenayah di dalam negeri pun kita masukkan dia dalam black list, paspotnya ditarik balik ataupun sewaktu dia hendak keluar, dia akan ditahan. Begitu juga kalau orang hendak keluar, kalau ada sekiranya laporan daripada Income-Tax Department umpamanya yang dia ini banyak hutang dengan Income Tax Department, itu pun kita periksa, kalau sekiranya dia hendak keluar untuk melarikan diri daripada membayar cukai pendapatan umpamanya. Tentang soal bilangan, tidak dapat saya ingat berapa yang kita sudah cancelled tetapi tiap-tiap kali ada terjadi kejadian yang begitu memang paspot ini ditarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak lagi yang hendak bercakap selepas ini?

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Ini yang akhir. Yang Berhormat dari Sepang.

Tuan Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Soalan tambahan, Tuan Yang

di-Pertua. Yang Berhormat Menteri ada menyatakan berbagai-bagai perkara dan bentuk salahguna paspot antarabangsa. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk menimbang satu cara mengatasi salahguna paspot antarabangsa dengan cara memendekkan tempoh masa paspot antarabangsa itu dikeluarkan yang mana pada hari ini sesuatu paspot antarabangsa itu dikeluarkan dan masa kuatkuasa paspot antarabangsa itu adalah suatu tempoh yang lebih daripada setahun. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang satu-satu cara untuk mengatasi salahguna paspot antarabangsa itu supaya paspot itu dikeluarkan untuk had masa satu tahun sahaja, dan boleh direnewkan paspot itu tiap-tiap tahun sepertimana cara-cara yang lain yang pernah kita buat?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, kita nampaknya berbelah bahagi di dalam soal edah, ataupun umur paspot ini. Ada yang menyatakan lebih baik panjang sampai 10 tahun kerana tidak ada kesannya kalau dia satu tahun ataupun 10 tahun, boleh disalahgunakan juga. Soal ini bukan soal kertas paspot ini soalnya ialah orang yang menggunakannya. Jadi perkara ini semuanya ada di dalam pertimbangan dan sekiranya pada suatu ketika dikehendaki memikirkan soal itu, Insya Allah kita akan timbangkan dengan teliti.

PENDATANG HARAM VIETNAM— SIKAP NEGARA LAIN

2. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan selaras menghadiri Persidangan Antarabangsa mengenai pelarian Vietnam di Geneva baru-baru ini, pendirian dan pendapat lain-lain 60 buah negara yang menghadiri persidangan itu terutama sekali terhadap jaminan bahawa Malaysia tidak akan dibebankan dengan pendatang-pendatang haram Vietnam.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan persidangan antarabangsa mengenai orang-orang pelarian daripada Vietnam yang diadakan di Geneva pada 20hb hingga 21hb Julai, 1979 kita dapati adalah sangat berguna kerana di sana kita dapat kesempatan untuk

memberi pemahaman yang lebih mendalam dan juga mengubah sikap negara-negara lain terhadap perkara ini supaya sikap mereka boleh menjadi lebih positif. Dan dengan itu maka hasilnya iaitu dapatlah mereka menimbangkan dengan telitinya cara-cara untuk mengatasi problem yang kita hadapi. Perwakilan-perwakilan daripada beberapa negara telah membuat kenyataan-kenyataan yang sangat bererti dan menunjukkan pemahaman dan simpati di atas masalah yang kita hadapi. Umpamanya dari negara punca sendiri iaitu negara Vietnam, mereka telah memberi perakuan yang dia akan mencuba dengan sedaya upaya menyekat rakyat mereka keluar daripada negaranya dengan cara haram dan akan menimbang untuk meluaskan kerjasama dengan pihak United Nations High Commission for Refugees yang sedia ada itu bagi mengendalikan pengeluaran rakyatnya dengan secara teratur dan selamat, bukan cara lari ikut laut tetapi dengan cara teratur.

Negara-negara ketiga juga telah memberi jaminan dan perakuan untuk menggandakan lagi—menambahkan lagi dan mempertingkatkan lagi penempatan pendatang-pendatang haram Vietnam di negara masing-masing. Perancis misalnya telah membuat kenyataan tentang betapa perlunya jaminan kepada negara-negara penerima pertama yang mereka itu tidak akan dibebankan dengan masalah saki-baki semacam negara kita ini begitu juga Amerika Syarikat ia juga mengatakan bahawa macam negara Malaysia ini janganlah dibebankan dengan soal saki-baki. Dan negara-negara ketiga juga telah membuat jaminan kepada United Nations bahawa pada tarikh sidang itu berjalan jumlah tempat untuk menempatkan semula orang-orang pelarian ini telah meningkat daripada 125,000 kepada 260,000 tempat. Hasil persidangan tersebut dapat diukur dari jumlah pendatang haram Vietnam di negara ini yang mana tatkala satu waktu dahulu di dalam persidangan ini saya mengatakan bahawa kita ada 75,000 orang dan pada waktu ini—pada hari ini, ketika ini hanya tinggal 45,958 orang sahaja.

OPEC—KENAIKAN HARGA MINYAK

3. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Kewangan menyatakan semenjak negara-

negara OPEC menaikkan harga minyak dan dalam usaha-usaha Kerajaan menjamin bekalan minyak yang cukup serta untuk menjaga supaya kesan kenaikan harga minyak tidak dirasakan sepenuhnya di negara kita ini, berapakah jumlah subsidi yang telah diberi oleh Kerajaan setakat ini dan berapa pula Kerajaan mengalami kekurangan hasil melalui pengurangan duti eksais dan duti import ke atas petrol.

Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, jumlah subsidi-subsidi yang dibayar oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 1979 adalah \$184 juta. Akibat daripada pengurangan duti kastam dan duti eksais yang berkuatkuasa mulai daripada 27hb Ogos, 1979 adalah dijangka Kerajaan Persekutuan akan kehilangan hasil lebih kurang \$12 juta dalam tahun ini.

RUMAH—KENAIKAN HARGA

4. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan jika pemaju-pemaju rumah murah menaikkan harga-harga rumah atas alasan bahawa harga simen yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya hendak menjelaskan di sini bahawa projek-projek rumah awam kos rendah pada amnya adalah dijalankan oleh badan-badan Kerajaan dan oleh itu soal harga jualan rumah dan sebagainya adalah ditetapkan oleh Badan-badan Kerajaan yang berkenaan. Di samping itu terdapat juga pemaju-pemaju perumahan swasta membina rumah-rumah harga rendah yang mana ini syarat yang telah dikenakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan apabila meluluskan cadangan kemajuan perumahan tersebut. Dalam perkara begini Kerajaan Negeri yang telah menetapkan harga tersebut akan menentukan harga-harga jualan memandangkan keadaan yang berlaku pada masa ini iaitu kenaikan harga bahan-bahan binaan. Keputusan Kerajaan Negeri tersebut hendaklah didapati

terlebih dahulu oleh pemaju-pemaju ini sebelum apa-apa perubahan dibuat kepada harga-harga jualan rumah-rumah yang tidak ditetapkan terlebih dahulu oleh Kerajaan Negeri dan pada amnya rumah-rumah dalam lingkungan harga yang sederhana dan tinggi adalah bebas dan pemaju-pemaju perumahan biasanya merujuk apa-apa kenaikan harga bagi rumah-rumah jenis ini kepada Kementerian saya. Kebelakangan ini terdapat banyak permohonan-permohonan untuk menaikkan harga rumah dan sebab-sebab yang diberi oleh pemaju-pemaju perumahan adalah sama iaitu kenaikan harga-harga bahan-bahan binaan.

Dalam hal ini Kementerian saya mengambil kira perkara-perkara ini oleh kerana kenaikan harga bahan-bahan binaan adalah satu perkara yang benar-benar berlaku dan dengan itu mana-mana permohonan untuk kenaikan harga yang dianggap menasabah dan tidak dapat dielakkan, Kementerian saya pada amnya akan meluluskan permohonan-permohonan ini. Tetapi mana-mana permohonan kenaikan harga yang tidak menasabah di mana kenaikan itu dianggap terlalu tinggi, Kementerian saya tidak akan mempertimbangkannya. Ini adalah satu langkah jangka pendek sahaja. Kementerian saya pada masa ini sedang membuat kajian-kajian mengenai harga-harga kenaikan bahan-bahan binaan dan sebagainya supaya dapat ditentukan keadaan pasaran rumah pada masa yang akan datang.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan iaitu mengenai rumah-rumah yang juga turut dinaikkan pada hal ia dibina sebelum harga simen itu naik. Jadi, rumah-rumah ini juga dinaikkan dan nampaknya pemaju-pemaju perumahan mencari kesempatan iaitu kalau ada sedikit perubahan walaupun rumah-rumah yang dibina pada waktu yang tidak berlakunya keadaan ini juga turut dinaikkan. Apakah langkah-langkah Kementerian yang berkenaan mengenai perkara ini dan bagaimana sesuatu dasar yang digunakan untuk menentukan sesuatu rumah itu boleh dinaikkan jika sekiranya pemaju-pemaju perumahan merujuk perkara itu kepada Kementerian?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawalan harga atas jualan rumah-rumah tidak dikenakan sehingga hari ini kerana Kerajaan memegang dan mengamalkan dasar perniagaan bebas. Ini bermakna keputusan menetapkan harga jualan rumah bergantung kepada budibicara pemaju-pemaju swasta dan mereka hanya dikehendaki memberitahu Kementerian saya mengenai harga yang ditetapkan ketika mengemukakan permohonan-permohonan lesen mengiklankan satu-satu projek perumahan. Jadi keadaan ini adalah keadaan pada masa dahulu yang telah ditetapkan harga dan seperti yang saya telah katakan tadi iaitu kenaikan harga-harga itu ada diminta dalam permohonannya tetapi mana yang tidak menasabah, kita tidak mempertimbangkan; kecuali mana-mana yang menasabah dalam perjanjian itu iaitu di antara pembeli dengan pemaju perumahan yang telah membuat perjanjian. Kalau dalam masa membuat perjanjian itu, pemaju perumahan tidak boleh menaikkan harga rumah dalam perjanjian itu, pemaju perumahan tidak boleh menaikkan harga rumah dalam perjanjian yang telah ditentukan.

Tuan Lee Kaw: Oleh kerana harga rumah sudah naik sangat tinggi dan orang ramai tidak boleh dapat rumah, bolehkah Kerajaan menimbangkan satu tindakan iaitu rumah-rumah ini dijadikan satu control item seperti mana harga barang-barang makanan?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah katakan tadi Kerajaan mengamalkan dasar *Jaissez faire* atau free enterprise. Jadi, pada ketika ini rumah-rumah tidak termasuk dalam control item.

Tuan Lee Lam Thye: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pada masa ini ramai pemaju-pemaju perumahan telah mengambil peluang menaikkan harga simen dan juga bahan-bahan binaan yang lain untuk menaikkan harga rumah, dan sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar adakah Kementerian yang berkenaan mengadakan satu dialog dengan HDA—Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan untuk mendengar kes mereka sama ada satu atau tidak dan selepas itu akan

mengambil tindakan yang perlu untuk mengatasi masalah ini?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sentiasa mengadakan dailog dengan HDA—Housing Development Association dan dalam dailog itu kita sekarang ini memikirkan bagaimana caranya kedua-dua pihak supaya kita dapat mempertimbangkan dengan keadaan permintaan rumah itu terlalu tinggi, jadi bukan sahaja 2 bulan, 3 bulan sekali bahkan kalau ada perlu, kita akan jemput pemaju-pemaju perumahan berunding dengan Kementerian saya dalam menghadapi masalah yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Mas Gading. Dahulu dia menjawab, sekarang membuat pertanyaan. Sila.

Tuan Patrick Anek Uren: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan saya bersabit daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai masalah rumah atau perumahan yang diamalkan sekarang *laissez faire* iaitu free enterprise system. Daripada free enterprise system, saya bermaksud bahawa ini adalah kita amalkan free flow of supply and demand. Jadi, perumahan sekarang adalah satu commodity yang begitu penting, satu daripada tiga iaitu rumah.

Tuan Yang di-Pertua: Tak usah lecture panjang-panjang. Soalan tambahannya apa?

Tuan Patrick Anek Uren: Saya akan datang atas perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mahu sekarang soalan tambahannya!

Tuan Patrick Anek Uren: Saya hendak bertanya, adakah amalan yang ada sekarang iaitu free enterprise system mengenai rumah yang sekarang harganya melambung tinggi sebabnya sedikit simen naik 25% ataupun tambang naik 25% harga rumah berlipat ganda dua kali 25%? Oleh kerana rumah ini sebagai satu bahan asas kepada.

Tuan Yang di-Pertua: Balik semula kepada soal itu juga. Soalan tambahannya apa?

Tuan Patrick Anek Uren: Saya hendak bertanya bukankah amalan free enterprise ini tidak tepat kepada benda itu dan patut

diubahsuaikan kepada satu sikap di mana perumahan ini dianggap sebagai satu perkara yang penting dan harganya terus dikawal supaya orang yang tidak lumayan pendapatannya macam saya dapat beli rumah?

Tuan Yang di-Pertua: Semenjak sudah bertukar ini?

Tuan Patrick Anek Uren: Ya. (*Ketawa*).

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu waima faham atau tidak faham jawapan saya yang asal yang mana Kerajaan sendiri telahpun menyediakan rumah-rumah yang dilaksanakan oleh agensi-agensinya Kerajaan sendiri dan rumah ini diberi subsidi. Ini satu daripada usaha Kerajaan bagi hendak menampung keperluan rumah kepada rakyat yang sepertimana kata Ahli Yang Berhormat itu. Kalau Ahli Yang Berhormat hendak pun boleh minta melalui Kerajaan Negeri, tidak boleh minta melalui Kementerian saya

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada amalan yang telah dijalankan di kawasan saya di Gerik, di mana rumah murah telah dijual dengan harga lebih kurang \$8,000 dan jikalau pemilik rumah murah ini berkehendakkan untung mereka boleh menjual sekarang ini dengan harga \$25,000. Jadi saya ingin bertanya sama ada amalan-amalan serupa ini juga dijalankan di dalam Kuala Lumpur ini.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya akan siasat perkara ini.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya apakah nilai atau harganya rumah-rumah yang dianggap sebagai rumah murah itu?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Rumah Awam Kos Rendah ini di antara \$6,000 ke \$12,000 dan Rumah Harga Rendah di antara \$15,000 ke \$20,000.

BANK RAKYAT

5. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Pertanian menyatakan berapa banyak surat

peminjam-peminjam yang telah gagal membayar balik pinjaman Bank Rakyat dan bilangan peminjam-peminjam yang gagal membayar balik pinjaman yang telah menyahut hingga kini kepada surat-surat ini dan berapa banyakkah pinjaman yang telah diperolehi semula; dan adakah sebuah Jawatankuasa telah dibentuk untuk mengkaji secara mendalam Laporan Price Waterhouse dan apakah tindakan berikutnya telah diambil hingga hari ini mengenai Laporan itu.

Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sungguhpun satu tetapi banyak pecahannya dan saya jawab seberapa yang boleh mengikut pecahan itu.

- (a) Bank Rakyat telah menghantar surat tuntutan kepada 4,200 orang peminjam.
- (b) Dari jumlah tersebut di atas Bank Rakyat selesai menyasat kedudukan kewangan 1,000 daripada peminjam-peminjam itu dan didapati semuanya mempunyai kemampuan/kebolehan membayar hutang mereka dan tindakan undang-undang telah diambil terhadap mereka. Selepas tindakan undang-undang diambil, seramai 296 orang peminjam telah menjelaskan balik pinjaman mereka, yang lain itu seramai 704 orang peminjam lagi gagal menjelaskan pinjaman dan tindakan mahkamah sedang diambil sekarang. Jumlahnya ialah \$20,670,200.
- (c) Jumlah wang yang telah dikutip dari bulan Januari, 1975 hingga Jun, 1979 ialah sebanyak \$24.4 juta. Jumlah ini adalah sebahagian daripada jumlah bagi pinjaman Bank Rakyat kepada peminjam-peminjam pada 31hb Disember, 1975 yang berjumlah \$60.9 juta.
- (d) Sebuah Jawatankuasa Khas telah dibentuk untuk mengkaji secara mendalam Laporan Price Waterhouse sebaik sahaja Parlimen tamat membahaskan Kertas Putih Bank Rakyat dahulu dan belum selesai lagi. Akhirnya langkah-langkah seterusnya akan diambil selepas Jawatankuasa Khas ini selesai membuat syor-syor tindakan lanjut.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Menteri ada berkata bahawa ada lebih kurang 4,000 surat yang telah dihantar kepada mereka yang terhutang kepada Bank Rakyat. Di sini suka bertanya sama ada pihak yang berkenaan ada menulis surat kepada UMNO Selangor untuk meminta mereka kembalikan wang yang patut dikembalikan kepada Bank Rakyat itu.

Dato' Shariff Ahmad: Ada soalan yang akan datang dalam perkara ini.

GEDUNG-GEDUNG UBAT

6. Tuan Thomas Salang Siden: minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa selalu terdapat bekalan ubat yang tidak mencukupi untuk kegunaan seharian di kesemua gedung-gedung ubat luar bandar Kerajaan di negeri Sarawak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya tidak terdapat kekurangan bekalan ubat-ubat di semua gedung ubat luar bandar di Sarawak. Walau bagaimanapun, atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan kadangkala kemungkinan berlaku kekurangannya untuk tempoh-tempoh yang singkat sahaja tetapi keadaan sedemikian tidak ada lagi sekarang oleh kerana semua setor-setor Kementerian dibekalkan ubat-ubat dengan secukupnya dan semua gedung-gedung ubat desa menyimpan bekalan ubat-ubat untuk menampung keperluan bagi sekurang-kurangnya selama 3 bulan. Walau bagaimanapun, mungkin ada gedung-gedung ubat kecil (sub-dispensary) di tempat-tempat terpencil yang mengalami kekurangan beberapa jenis ubat tertentu dari masa ke masa tetapi kekurangan itu adalah disebabkan oleh masalah-masalah perhubungan dan faktor-faktor yang di luar kawalan Kementerian.

Tuan Patrick Anek Uren: Tuan Speaker, soalan tambahan. Saya hendak bertanya sama ada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian itu sedar bahawa di gedung-gedung ubat di tempat yang jauh daripada bandar, misalnya 20 batu dari Kuching, sungguhpun ada cukup ubat di situ tetapi cukup kalau kita kira jenisnya sahaja, iaitu jenis Panadol sahaja yang banyak ataupun

untuk sakit perut tetapi yang tidak ada itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ubat apa itu Panadol?

Tuan Patrick Anek Uren: Panadol—ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ubat sakit perut? (Ketawa).

Tuan Patrick Anek Uren: Bukan sakit perut, yang lain tetapi kalau kita hendak antibiotic atau lain-lain tak ada langsung. Masalahnya ialah orang-orang kampung yang datang dari jauh, misalnya, kampung saya 4 jam berjalan sampai ke Bau, sampai ke situ hendak pergi ke Kuching sudah lambat hendak balik. Kalau kena luka di tangan itu terpaksa hendak dijab dengan antibiotic baru baik atau anti-tetanus tetapi ubat itu tak ada, diberi Panadol sahaja—balik. Panadol buat lega sedikit tetapi esok teruk semula. Saya hendak bertanya sama ada difikir perlu sekarang ubat di gedung-gedung kecil, iaitu ubat-ubat yang cukup lengkap dengan jenis, bukan sahaja untuk sakit perut tetapi kena luka ataupun kena gigit anjing iaitu dilist di bawah Posions Act.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya rasa elok saya menjawab soalan itu. Sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa antibiotic ini tidaklah boleh diberi dengan sebarang sahaja kerana ianya boleh memberi mudarat kalau disalahguna. Mengikut pengalaman dan pengajian saya bahawa antibiotic hanya diberi kepada pesakit untuk penyakit-penyakit yang tertentu sahaja dan biasanya ianya diguna sebagai last resort kepada satu infection dan tidaklah boleh diberi kepada sesiapa seperti Junior Hospital Assistant yang tidak mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang cukup mengenai kebaikan dan keburukan (adverse side effect) ubat ini. Oleh itu, pembahagian dan penggunaan antibiotic mestilah dikawal demi keselamatan rakyat.

KENYATAAN KETUA PENGARAH IMIGERESEN

7. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan tatatertib Kerajaan telah ataupun

bercadang mengambil terhadap Ketua Pengarah Imigeresen, Haji Mohamed Amir kerana membuat kenyataan-kenyataan politik dan perkauman bertujuan untuk mengalihkan perhatian daripada kecaman-kecaman yang dibuat terhadap ketidakcekapan dan ketidakbolehan jabatannya dan mana kenyataan-kenyataan tersebut telah melemahkan dengan seriusnya keyakinan rakyat dalam 'impartiality' dan dedikasi perkhidmatan awam.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak bahawa Ketua Pengarah Imigeresen pernah membuat kenyataan politik atau perkauman, bahkan saya tahu bahawa Ketua Pengarah Imigeresen faham kepada tanggungjawabnya dan telah bekerja keras untuk memberi khidmat yang cekap kepada orang ramai di samping sentiasa mengambil ingatan tentang faktor keselamatan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa Ketua Pengarah Imigeresen pada masa apabila ada kecaman-kecaman terhadap kecekapan Jabatannya khasnya dalam empat perkara:

- (1) Mengeluarkan paspot antarabangsa dengan licin;
- (2) Perkara untuk memproseskan permohonan seramai mengikut punca Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri 150,000 orang-orang untuk mendapat taraf duduk tetap (permanent resident status) terdapat 150,000 permohonan yang belum selesai;
- (3) membenarkan seramai 12,000 orang-orang pendatang haram daripada wilayah Indonesia dalam selatan Semenanjung Malaysia bekerja di estet-estet atau hutan-hutan; dan
- (4) Mengenai.

Tuan Yang di-Pertua: Yang kedua tadi ini bukan kerja Imigeresen. Itu Pendaftaran Negara.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan—Imigeresen. Oleh kerana cadangan membenarkan orang pendatang haram masuk.

Tuan Yang di-Pertua: Yang kedua saya katakan tadi. Yang kedua mendapat kebenaran tetap.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, itu pun Imigeresen. Itu pun di bawah tanggungjawab Jabatan Imigeresen.

Keempat kelewatan untuk membenarkan permohonan-permohonan untuk pergi ke negeri China mendapat layanan perubahan. Masa itu Ketua Pengarah Imigeresen ada berkata bahawa ada orang yang tidak taatsetia yang mahu memohon paspot. Inilah satu kenyataan berpolitik.

Kedua, beliau pun ada menyambut cadangan Ketua Pemuda UMNO supaya diadakan peraturan mewajibkan ujian Bahasa Malaysia untuk setiap permohonan untuk paspot antarabangsa. Itu pun satu kenyataan politik yang berbau perkauman kedua-duanya itu. Bolehkah Yang Berhormat Menteri mengambil tindakan supaya Ketua-ketua Jabatan janganlah terlibat di dalam perkara-perkara semacam ini yang berbau politik, berbau perkauman yang boleh merosakkan keyakinan rakyat terhadap kakitangan Kerajaan?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soalnya adakah Ketua Pengarah Imigeresen ini melibatkan diri dengan cara membuat statement politik. Jadi di dalam soalan tambahan itu tadi tambahlah macam-macam cerita lain yang completely irrelevant.

Berbalik kepada soal semua iaitu kenyataan yang dibuat oleh Ketua Pengarah Imigeresen tadi mengatakan di dalam beliau menjalan pekerjaannya beliau mesti berjaga-jaga kerana beliau tidak mahu bahawa paspot ini jatuh ke tangan orang yang tidak patut menerimanya kerana di dalam negara kita ini macam-macam jenis manusia ada. Orang yang tidak taatsetia kepada negara pun ada. Adakah ini satu statement politik?

Yang keduanya tadi kalau sekiranya seorang Ketua Jabatan menyambut baik atau menolak satu kenyataan yang dibuat oleh satu parti politik, adakah bermakna ini beliau membuat kenyataan politik sekiranya cadangan itu untuk memperbaiki atau melancarkan cara-cara dia bekerja?

Maksudnya soal bahasa itu tadi. Tadi saya sudah sebut. Dalam waktu diinterview itu banyak daripada mereka itu tadi tidak dapat menjawab soalan-soalan itu di dalam Bahasa Kebangsaan. Jadi ini bukan bermakna yang saya kata tadi bahawa kita akan mengadakan ujian tetapi cadangan yang dibuat itu supaya lekas dapat diproses. Itu kalau semua orang ini pandai atau pintar berbahasa dalam Bahasa Kebangsaan. Jadi maksud Ketua Pengarah Imigeresen ini tadi alangkah eloknya untuk melancarkan lagi memproses paspot ini tadi kalau sekiranya semua orang ini tahu berbicara dalam Bahasa Kebangsaan. Di manakah perkauman ini?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Soalan tambahan. Bagaimana dakwaan Wakil dari Petaling ini Tuan Haji Mohamed Amir membuat kenyataan dan perkauman bertujuan untuk mengalihkan perhatian daripada kecaman ketidakcekapan di dalam Jabatannya tetapi tidak membuat kenyataan politik dan perkauman yang boleh memecahbelahkan perpaduan rakyat sebagaimana yang disuarakan oleh segolongan ahli-ahli politik. Oleh kerana tuduhan Wakil dari Petaling itu tidak benar, apakah Kerajaan bercadang hendak menaikkan pangkat Tuan Haji Mohamed Amir ini? (*Ketawa*).

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, kita keliru sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, itu soalan lain (*Ketawa*).

Tuan Chan Teck Chan: Saya ingat Yang Berhormat sudah silap terbaca kenyataan Ketua Pengarah Imigeresen. Dalam kenyataan Ketua Pengarah Imigeresen adalah mempersoalkan tujuan begitu ramainya pemohon-pemohon membanjiri Jabatan Imigeresen untuk memohon paspot ialah mahu melarikan diri ketika pergolakan politik di Indochina genting dan mengancam. Ini adalah mempersoalkan taatsetia rakyat Malaysia. Di sini saya hendak tanya apakah tindakan akan diambil oleh Yang Berhormat Menteri untuk memecat Ketua Pengarah Imigeresen ini kerana beliau tidak boleh mempersoalkan tujuan seseorang rakyat untuk memohon paspot dan juga

mempersoalkan taatsetia. Ini adalah dinyatakan dalam kenyataan Ketua Pengarah Imigresen?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Saya sudah jawab soalan itu tadi.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan apakah beliau sedar bahawa ada usaha-usaha yang sistematik yang sedang dijalankan oleh pihak Pembangkang di negara ini untuk menjatuhkan nama baik pegawai-pegawai yang dedicated dalam Perkhidmatan Awam, misalnya, Ketua Pengarah Imigresen dan adakah siasatan-siasatan telah dibuat untuk mencari bukti-bukti itu dan kalau ada bukti-bukti apakah tindakan yang boleh dan akan diambil terhadap pihak-pihak yang terlibat itu?

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak boleh benarkan. Soalan ini keluar daripada soalan asal.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat Menteri dalam jawapan soalan yang pertama ada berkata bahawa bukan tujuan Kerajaan untuk mengadakan ujian Bahasa Malaysia dalam permohonan paspot antarabangsa. Apabila Ketua Pengarah Imigresen menyambut baik cadangan Pemuda UMNO supaya ada ujian Bahasa Malaysia diadakan, bukankah ini satu langkah yang bercanggah, yang bertentangan dengan dasar-dasar Kerajaan Barisan Nasional atau adakah Ketua-ketua Jabatan ada hak sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat 24 (4) tidak boleh membenarkan soalan itu menjadi satu helah untuk berbahas. Yang Berhormat Menteri sudah jawab tadi. Jadi apa soalan tambahannya?

Tuan Lim Kit Siang: Soalan saya ialah adakah kenyataan itu yang menyambut baik cadangan Pemuda UMNO supaya diadakan ujian Bahasa Malaysia dan itu adalah satu tindakan yang melanggar dasar Kerajaan dan apa tindakan Kerajaan akan mengambil?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soalnya adakah jawapan itu atau statement itu bercorak

politik? Saya mengatakan ini bercorak untuk melancarkan cara memproses iaitu untuk pentadbiran dan sebagaimana Ketua Jabatan yang mentadbirkan Jabatan Imigresen berhak dia menerima apa sahaja unsur daripada sesiapa pun yang boleh membantu beliau melancarkan pekerjaannya.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah. Yang Berhormat Datuk Stephen Robert Evans. Tak ada.

(Soalan No. 8 Y.B. Datuk Stephen Robert Evans tidak hadir).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Stephen Robert Evans. Tak ada.

(Soalan No. 9 Y.B. Datuk Stephen Robert Evans tidak hadir).

TELEFON—ADUAN PELANGGAN

10. Puan Shariffah Dorah binti Mohamed minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan, memandangkan bahawa pengguna-pengguna telefon mengalami kebingungan apabila menerima bil bayaran telefon yang berlebihan pada tiap-tiap bulan, apakah kemajuan yang telah dibuat untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh mereka walaupun kerja untuk membetulkan masalah ini telah dijalankan oleh Kementerian.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Telekom daripada masa ke semasa sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Baru-baru ini Jabatan Telekom telah membuat satu analisa ke atas pengaduan pelanggan-pelanggan telefon mengenai bayaran telefon mereka. Hasilnya didapati purata terdapat empat pengaduan bagi tiap-tiap seratus talian telefon dalam setahun mengenai meter-meter telefon dan bil-bil bayaran. Jika terdapat kerosakan meter atau kesilapan catitan bil-bil maka bayaran kredit akan diberi kepada pelanggan tersebut.

Bagi mengatasi masalah aduan bil-bil bayaran telefon Jabatan Telekom pada hujung tahun ini akan mengadakan kemudahan "Telephone Call Charge Verification System". Alat ini akan digunakan untuk monitor, merekod dan menghuraikan

semua panggilan-panggilan yang dibuat oleh pelanggan-pelanggan telefon yang membuat aduan mengenai bil-bil bayaran mereka.

PELABUHAN KUANTAN

11. Tuan Lee Kaw minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan telah mendapati sebab-sebab yang mengakibatkan kelambatan dalam pembukaan Pelabuhan Kuantan yang bernilai \$250 juta untuk operasi. Jika ya, nyatakan sebab-sebab itu dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan serta kos perbelanjaan yang ditanggung untuk mendapatkan pelabuhan tersebut beroperasi.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, pembukaan ataupun operasi Pelabuhan Kuantan telah ditangguhkan oleh Kerajaan buat sementara waktu ini memandangkan kepada kerosakan dan keretakan yang telah berlaku di bahagian dermaga serta juga di gudang-gudang yang berhampiran dengan dermaga tersebut. Setakat ini Kerajaan belum dapat memastikan sama ada keretakan itu adalah disebabkan oleh kesilapan rekabentuk (structural design) ataupun kesilapan dari segi pembinaan, dan sama ada kerosakan itu dapat dibaiki dengan mudah ataupun mengambil masa yang panjang.

Berdasarkan kepada hakikat ini, maka pihak Kerajaan telah melantik satu firma perunding antarabangsa yang bebas untuk menyasiat dan kemudiannya membuat laporan lengkap mengenai Pelabuhan Kuantan ini. Kerajaan telah melantik firma perunding Sir Bruce White & Partners dengan Terms of Referencenya seperti berikut:

- (1) menyasiat sebab-sebab kenapa berlaku keretakan di dermaga atau quay-wall;
- (2) membuat perakuan tentang pembaikan yang kekal;
- (3) menyiapkan rekabentuk dari segi engineering dan mengawasi pembinaan.
- (4) menentukan pembahagian liability; dan
- (5) sekiranya perlu menjadi saksi teknikal dalam mahkamah undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, tempoh masa berapa lama kerja-kerja membaiki kerosakan ini

belum dapat diketahui lagi sehingga kajian penyiasatan dan laporan diterima oleh Kerajaan. Kos perbelanjaan memperbaiki Pelabuhan Kuantan ini belum dapat kita tentukan selagi firma perunding yang dilantik itu belum membuat laporan mereka.

Sehingga ini perbelanjaan yang telah digunakan bagi pembinaan projek Pelabuhan Kuantan ini adalah sebanyak \$195 juta. Walau bagaimanapun, Kerajaan juga telah memutuskan hendak menjalankan "partial operation" di Pelabuhan Kuantan bagi mengendalikan "mineral oil berth" dan "palm oil berth" (bahan-bahan bakar), kayu-kayuan dan minyak kelapa sawit dengan seberapa segera yang boleh setelah mendapat nasihat daripada firma perunding.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar bahawa sebab utama dalam kelambatan membuka Pelabuhan Kuantan di mana pembukaan telah ditangguhkan lima kali dan kerugian-kerugian yang negara menghadapi ialah oleh kerana tempat untuk membina pelabuhan di Kuantan tidak sesuai dan keputusan untuk menempatkan pelabuhan di Tanjong Gelang ialah satu keputusan politik dan bukan satu keputusan yang disokong dengan perakuan teknikal?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, keputusan politik itu adalah benar sebab sebelum Kerajaan memutuskan bagi mengadakan pelabuhan di sana ada satu feasibility study yang penuh menjalankan penyiasatan dan atas recommendation itulah Kerajaan membina pelabuhan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Menteri berkenaan mengumumkan hasil feasibility study itu supaya rakyat boleh tahu kenapa perbelanjaan yang besar begitu sekarang menghadapi kerugian?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, di mana-mana projek yang begitu besar memang ada berlaku kerosakan, bukan sahaja di sini terjadi perkara semacam itu. Kerosakan itu bukanlah boleh dikatakan salah sesiapa. Keputusan mengadakan satu pelabuhan di Pantai Timur adalah satu polisi Kerajaan yang dibuat atas dasar politik. Itu memang benar. Tempat itu kita akui sesuai seperti nasihat yang kita dapati daripada

pakar-pakar (consultants). Jadi, kita mesti ingat ada banyak bahan yang dikeluarkan daripada East Coast, memang kita perlu mengadakan satu pelabuhan di sana. Kita tidak ada satu pelabuhan di sana, orang dari sana selalu menunggu atau menghantar barang ke sebelah sini atau pergi ke negara-negara lain umpamanya Singapura dan lain-lain. Jadi sekarang sudah ada satu port. Sungguhpun ada masalah, Kerajaan tetap akan memperbaiki port itu sehingga port itu menjadi satu pelabuhan yang utama di negara kita.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Muhamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada setelah kita menjalankan projek itu dengan perbelanjaan \$250 juta dan didapati sedikit kerosakan dan selepas kita memperbaiki kerosakan itu sama ada projek itu masih viable atau tidak ekonomik? Pada pendapat saya, projek ini walaupun kita telah membelanjakan \$250 juta dan kita akan mengeluarkan sejumlah wang yang besar untuk memperbaikinya, projek ini masih economic dan viable dan projek ini telah dijalankan bukan atas satu projek politik tetapi satu projek yang ekonomik.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya kata tadi, sekarang kita telah membelanjakan \$195 juta sahaja, di masa akan datang barangkali kita akan belanjakan lebih sedikit lagi, tetapi ini bukanlah masalah politik. Saya berjanji kepada Ahli Yang Berhormat port ini adalah viable dan kita mesti adakan satu port di sana kerana tidak lama lagi banyak bahan-bahan dan hasil daripada Trengganu dan Pahang akan dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8, 9 dan 12 hingga 16 adalah diberi di bawah ini).

ASEAN INTER-PARLIAMENTARY ORGANISATION (AIPO)

8. Datuk Stephen R. Evans minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan menimbangakan pembentukan Persatuan Parlimen ASEAN dengan tujuan

mengadakan persefahaman dan hubungan yang lebih rapat di kalangan Ahli-ahli Parlimen Negara-negara ASEAN.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pertubuhan Antara-Parlimen ASEAN ataupun ASEAN INTER-PARLIAMENTARY ORGANISATION (AIPO) telahpun dibentuk.

“Statut mengenai AIPO telah dibentangkan dalam Parlimen pada Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Keempat dahulu dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 7hb April, 1978 dan di Dewan Negara pada 27hb April, 1978”.

SONGKOK DIPAKAI OLEH BUKAN ISLAM

9. Datuk Stephen R. Evans minta Menteri Undang-undang menyatakan sama ada menjadi satu kesalahan bagi seorang yang bukan Islam memakai songkok dan jika ya sama kuatkuasa undang-undang boleh dikenakan terhadap pelancang-pelancang yang bukan Islam yang melawat negara ini, membeli songkok dan memakainya.

Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah): Memakai songkok oleh seorang bukan Islam tidaklah menjadi suatu kesalahan di bawah undang-undang di negara kita ini. Begitu juga tidak terdapat sebarang peruntukan undang-undang yang mencegah pelancang-pelancang yang bukan Islam daripada membeli songkok dan memakainya.

TUNJUK PERASAAN DI WISMA KEDUTAAN AMERIKA SYARIKAT

12. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa baru-baru ini Ketua Pemuda UMNO didapati mengadakan satu tunjuk perasaan di Wisma Kedutaan Amerika Syarikat tanpa permit polis; jika ya; mengapa beliau tidak dihadapkan ke Mahkamah dan adakah ini bermakna tingkahlaku beliau dianggap mengatasi undang-undang negeri ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Mengikut laporan polis tidak ada

tunjuk perasaan yang diadakan seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat. Sekiranya terdapat orang ramai di situ, mereka hanyalah ingin tahu atau "curious" tentang apa yang sedang berlaku.

KECICIRAN NAMA PENGUNDI- PENGUNDI

13. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab berlakunya keciciran nama pengundi-pengundi dan apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan supaya semua pengundi yang layak didaftarkan dan jumlah pengundi seluruh negara sekarang.

Dato' Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Sukacita saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa soal keciciran nama-nama pemilih tidak berlaku lagi semenjak Suruhanjaya Pilihanraya memutuskan dalam tahun 1975 tidak akan memotong nama-nama pemilih yang sedia ada terdaftar daripada daftar-daftar pemilih kecuali:

- (1) Suruhanjaya Pilihanraya diberitahu oleh pemilih itu sendiri bahawa ia telah bertukar alamat dan oleh itu ingin didaftarkan di kawasan pendaftaran yang berlainan; atau
- (2) Suruhanjaya Pilihanraya diberitahu oleh Jabatan-jabatan yang berkenaan seperti Jabatan Pendaftaran Beranak dan Mati dan Pejabat Pendaftaran Negara bahawa mereka yang berkenaan telah mati atau telah dilucutkan atau menyerahkan kerakyatan mereka dan dengan itu telah hilang kelayakan menjadi pemilih.

Mengenai langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan semua yang layak, didaftarkan sebagai pemilih, ingin saya menyatakan bahawa oleh kerana sistem pendaftaran pemilih yang kita amalkan ialah suatu yang bukan dipaksa (not compulsory) maka Suruhanjaya Pilihanraya hanya boleh menggalakkan mereka yang berkenaan untuk mendaftar sebagai pemilih dan ini dilakukan dengan:

- (1) Memberi publisiti yang luas dengan cara:
 - (a) Membuat pengumuman-pengumuman melalui radio dan tele-

visyen mengenai urusan pendaftaran pemilih itu sepanjang tempoh urusan itu diadakan;

- (b) membuat hebahan-hebahan melalui unit-unit bergerak Jabatan Penerangan berhubung dengan urusan tersebut;
 - (c) membuat kenyataan-kenyataan akhbar mengenai urusan itu dari semasa ke semasa sepanjang urusan itu diadakan.
- (2) Mengiklankan nama, alamat dan nombor telefon Pegawai-pegawai Pendaftaran.
 - (3) Menyediakan lebih daripada 3,000 tempat pendaftaran tetap bagi tujuan tersebut.
 - (4) Melantik lebih daripada 4,000 orang Penolong Pegawai Pendaftaran untuk mendaftar mereka yang datang memohon untuk didaftarkan sebagai pemilih.
 - (5) Mengedarkan senarai-senarai tempat-tempat pendaftaran tetap kepada parti-parti siasah dengan harapan bahawa parti-parti yang berkenaan akan dapat memberitahu mereka yang berminat untuk menjadi pemilih di tempat-tempat di mana mereka boleh didaftarkan sedemikian.

Walau bagaimanapun, perlu saya tegaskan oleh kerana soal mendaftar sebagai pemilih tidak diwajibkan adalah menjadi tanggungjawab mereka sendiri yang berkelayakan menjadi pemilih membuat permohonan sebelum namanya dapat dimasukkan dalam daftar pemilih yang berkenaan. Mengenai bilangan pemilih di seluruh negara pada masa ini jumlahnya ialah 5,129,053 orang.

PAS LAWATAN PELANCUNG— SALAHGUNA

14. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan pelancung yang telah menyalahgunakan pas lawatan pelancung yang telah didakwa dan apakah cara yang berkesan untuk mengetahui sama ada mereka itu betul-betul datang sebagai pelancung.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Soalan ini terlalu umum oleh kerana Y.B. tidak menyatakan dari tarikh bilakah bilangan itu dikehendaki. Walau bagaimanapun, mengikut rekod yang ada bilangan pelancung yang didapati telah menyalahgunakan Pas Lawatan (Sosial) dan telah didakwa di Mahkamah serta didapati bersalah sejak dari tahun 1975 adalah seperti berikut:

1975	217 orang
1976	113 ..
1977	170 ..
1978	135 ..
1979	160 ..
hingga September ..	<hr/> 795 orang <hr/>

Ada di antara mereka yang didapati bersalah itu telah berniaga atau mengambil bahagian dalam urusan perniagaan seperti menjadi pelayan di kedai makan. Ada juga yang telah melacurkan diri mereka.

Jenis pas yang diberikan kepada seseorang yang masuk ke negara ini adalah mengikut catitan mereka dalam kad pendaratan (disembarkation card) dan juga kenyataan mereka kepada pegawai Imigresen yang bertugas di pintu masuk. Jika mereka memohon masuk untuk melancung mereka diberi Pas Lawatan (Sosial) dan catitan juga dibuat di dalam paspot mereka bahawa mereka tidak boleh bekerja tanpa kebenaran. Jika mereka didapati bekerja mereka adalah melakukan kesalahan mengikut Peraturan Imigresen. Adalah amat sukar untuk menentukan dengan pasti sama ada mereka itu betul-betul masuk ke negeri ini untuk melancung atau bertujuan lain.

Cara yang baik dan berkesan untuk mengetahui mereka yang menyalahgunakan Pas Lawatan itu ialah bagi orang ramai memberikan laporan yang jelas kepada Jabatan Imigresen supaya siasatan dan tangkapan dapat dibuat. Dengan maklumat yang demikian dapatlah Bahagian Penguatkuasa Jabatan itu mengambil tindakan selanjutnya.

PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN

15. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Strategi Belanjawan tahun 1980 ini akan mempertingkatkan kadar pelepasan cukai pendapatan diri dari \$2,000 sekarang ke \$4,000 isteri dari \$1,000 ke \$2,000, anak-anak dinaikkan \$200 masing-masing serta memberikan galakan pelepasan cukai bagi anak-anak yang menuntut pelajaran tinggi dan lain-lain sebagai langkah yang berkesan untuk menolong golongan yang berpendapatan rendah, jika tidak, apakah sebabnya.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Soal menambahkan pelepasan cukai untuk individu, isteri dan anak yang telah dicadang oleh Ahli Yang Berhormat itu telah juga dibangkitkan oleh Ahli-ahli Barisan Nasional di dalam persidangan-persidangan Dewan Rakyat yang lalu. Soal ini telah juga dibangkitkan oleh sektor swasta di dalam dailog yang telah berlangsung dahulu dengan Menteri Kewangan. Oleh yang demikian, soal ini adalah dalam kajian Kerajaan.

SYARIKAT KENDERAAN BAS MARA—PINDAHMILIK

16. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan memandangkan bahawa objektif menubuhkan syarikat-syarikat Kenderaan MARA adalah untuk memperbaiki pengurusan operasi syarikat-syarikat tersebut melalui keuntungan paling tinggi dan apabila objektif tersebut dicapai syarikat-syarikat ini diserahkan kepada pengusaha-pengusaha Bumiputra, sama ada beliau sedar bahawa keutamaan bagi pengambilalihan ini sepatutnya diberi kepada syarikat-syarikat yang berjaya dan bukan sebaliknya. Jika ya, nyatakan bilangan syarikat-syarikat kenderaan yang telah diambilalih oleh kaum Bumiputra dan apakah langkah-langkah berkesan yang sedang diambil untuk mempercepatkan serta membanyakkan lagi Bumiputra yang maju dalam perusahaan kenderaan.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman): Adalah menjadi dasar

Kerajaan memindahkan syarikat-syarikat yang ditaja oleh agensi-agensi Kerajaan yang memegang sebagai amanah kepada usahawan Bumiputra apabila syarikat-syarikat tersebut telah mencapai keuntungan yang memuaskan. Namun begitu setakat ini, di samping syarikat-syarikat yang berjaya, beberapa syarikat kenderaan bas MARA telah diserahkan atas desakan-desakan dari syarikat-syarikat Bumiputra.

Syarikat pengangkutan dan projek-projek kenderaan bas MARA yang telah diserahkan setakat ini berjumlah 25 buah syarikat di seluruh Malaysia.

Langkah yang sedang diambil untuk memajukan Bumiputra dalam perusahaan kenderaan adalah seperti berikut:

- (1) Mengesan dan mengadakan perjumpaan dengan pengusaha-pengusaha tempatan yang ada pengalaman dalam perusahaan pengangkutan dan yang berminat dalam perusahaan ini, bagi menerangkan kedudukan projek-projek KBM yang dicadangkan untuk diserahkan kepada Bumiputra dari semasa ke semasa.
- (2) Meneruskan pengendalian projek bagi meninggikan pendapatan dengan cara memohon jalan-jalan baru yang boleh diadakan perkhidmatan ekspres dan mengadakan rancangan penggantian bas-bas lama sebagai mengurangkan kos kendalian.
- (3) Kajian dan penyusunan akan dibuat ke atas syarikat-syarikat yang telah diwujudkan bagi mengadakan khidmat nasihat dan bimbingan dan bagi mengetahui masalah-masalah yang dihadapi.
- (4) Mengwujudkan satu syarikat pengurusan kenderaan untuk memberi bantuan perkhidmatan mengurus kepada pengusaha pengangkutan Bumiputra MARA amnya dan kepada mereka yang telah mengambil alih projek-projek MARA khasnya.

Persediaan juga sedang dibuat bagi mengadakan satu seminar bagi

membincangkan masalah-masalah berkaitan dengan projek pengangkutan Bumiputra Semenanjung Malaysia.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PER- BEKALAN 1980

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1980, dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun ini; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBE- KALAN TAMBAHAN (1979)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1979 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi Maksudmaksud yang tertentu dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG UBAT (IKLAN DAN PENJUALAN) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Ubat (Iklan dan Penjualan), 1956; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kesihatan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PEMBERIAN PERTAMBAHAN HASIL (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pemberian Pertambahan Hasil, 1977; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan
hingga jam 2.30 petang hari esok, Selasa
9-10-79.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 3.43
petang.*